



Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat



Jabatan  
**KEBAJIKAN**  
Masyarakat



## SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

### ANUGERAH TUNAS JAYA BERI PENGIKTIRAFAN KEPADA KANAK-KANAK

**KUCHING, 11 November** - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melaksanakan kembali penyampaian Anugerah Tunas Jaya kepada kanak-kanak yang cemerlang di dalam bidang akademik dan juga kokurikulum pada tahun ini dan tahun akan datang sebagai pengiktirafan tertinggi kepada mereka sempena penganjuran Hari Kanak-Kanak Sedunia Peringkat Kebangsaan kali ke-55. Penganjuran ini adalah kali pertama diadakan di luar Semenanjung Malaysia.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Rohani Abdul Karim, kementeriannya berhasrat untuk menghidupkan kembali anugerah ini sebagai mengiktiraf bakat, kreativiti dan kebolehan kanak-kanak serta merangsang perkembangan kanak-kanak ke arah budaya hidup sihat. Kali terakhir anugerah ini pernah diberikan kepada kanak-kanak adalah pada tahun 2007. Penganugerahan yang diperkenalkan kembali pada tahun ini adalah selaras dengan tema Hari Kanak-Kanak Sedunia Peringkat Kebangsaan iaitu "Kar1sma Kanak-Kanak: Masa Depan Mereka Di Tangan Kita".

"Saya lihat pemberian anugerah ini adalah peluang terbaik kepada kanak-kanak untuk membina masa hadapan yang cemerlang. Malah potensi yang digilap oleh ibu bapa ataupun pihak sekolah terhadap kanak-kanak perlu diiktiraf oleh Kerajaan", katanya.

"Bagi tujuan ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan beberapa syarikat-syarikat korporat dengan menyediakan prasarana untuk menggalakan pembelajaran dan kreativiti kanak-kanak selain menyediakan hadiah seperti pembiayaan insurans pendidikan, tajaan biasiswa, serta lawatan ke luar negara bagi tujuan pembelajaran", katanya lagi.

Pada tahun ini, sebanyak tiga (3) kategori diperkenalkan iaitu kategori akademik, orang kurang upaya (OKU) dan juga seni budaya. Walau bagaimanapun kategori ini akan diperluaskan pada tahun hadapan.

Rohani turut menyampaikan sijil penghargaan, wang tunai berjumlah RM3,000 dan plak kepada enam orang kanak-kanak penerima Anugerah Tunas Jaya tahun ini. Beliau turut merasmikan majlis Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia Peringkat Kebangsaan di Borneo Convention Centre Kuching, di sini, hari ini.

Turut hadir di majlis adalah YB Datuk Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak, Dato' Sri Noorul Ainur Mohd Nur, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Norani Hj. Mohd Hashim, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan 4,000 orang kanak-kanak dari seluruh Malaysia.

####

Disediakan oleh : Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Aras 6, 9-18, No. 55  
Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 Putrajaya  
No.Telefon : 019-233 3110 (Helya) / 019-216 4031 (Ain)  
Tarikh dikeluarkan : 11 November 2013